ISU HUDUD

ABDUL HADI

Jawab

D
297.14
ISU

MAHATHIR

ISU HUDUD

HJ. ABDUL HADI

Jawab

MAHATHIR

PERPUSTAKAAN NEGARA
1000215438

Dari Penerbit

PERBINCANGAN mengenai hukum jenayah syariah *terutamanya hudud mula menarik perhatian ramai apabila* Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pendirian Pusat untuk memberi laluan kepada Kelantan melaksanakan hukum jenayah Islam.

Kenyataan beliau dipetik di Johor Bahru di saat kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (Dun) Bukit Payong, Terengganu rancak berjalan. Pengumuman pada 16 April 1992 itu memberi momentum kepada kerajaan negeri pimpinan Angkatan untuk memperhebatkan prasarana bagi melaksanakan syariah Islam termasuk kuat kuasa hudud.

Suatu jawatankuasa penggubal Kanun Jenayah Syariah yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden PAS, Tuan Guru Abdul Hadi Awang kemudiannya dibentuk. Jawatankuasa ini bertanggung jawab merangka draf undang-undang perdana Islam yang bakal dilaksanakan di Kelantan. Ia dianggotai oleh beberapa pakar undang-undang syariah dan sivil.

Hasilnya pada 24hb. November 1993, Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan telah meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dengan sokongan sebulat suara dari semua anggota Dun.

Bagaimanapun reaksi yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Pusat terhadap enakmen itu amat mendukacitakan. Perdana Menteri yang pada awalnya menyatakan kesanggupan Kerajaan Pusat untuk meminda beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kelantan melaksanakan hudud, mendakwa enakmen itu sebagai "Hukum Hudud PAS".

Beberapa cubaan telah dilakukan melalui media massa untuk menyerang Kanun Jenayah Syariah itu termasuk

memanipulasikan pandangan dua pakar perundangan syariah negara. Bagaimanapun usaha-usaha tersebut menemui kegagalan.

Ekoran itu, dalam sepucuk surat kepada Menteri Besar Kelantan bertarikh 15 Julai 1994, Perdana Menteri secara rasmi mengumumkan pendirian Pusat menolak Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 kerana mendakwa ia mengetepikan prinsip keadilan Islam.

Buku kecil ini diharap dapat menjawab sebarang kekeliruan yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri berhubung Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Tuan Guru Abdul Hadi difikirkan layak untuk menjawab sebarang kekeliruan yang timbul dari enakmen itu memandangkan pengetahuan dan kepakaran beliau dalam aspek perundangan syariah.

Berkelulusan Sarjana Muda (Syariah) dari Universiti Islam Madinah dan Sarjana dalam bidang *siasah syar'iyyah* dari Kulliyyah Syariah, Universiti Al-Azhar Mesir, Tuan Guru Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang terlibat secara langsung dalam me-nggubal enakmen tersebut.

Akhir kata, tanggung jawab melaksanakan syariat Allah di muka bumi bukanlah mainan politik murahan yang boleh dijadikan umpan meraih sokongan rakyat seperti dakwaan sesetengah pihak.

Apakah kepentingan politik yang berjaya diraih oleh PAS di saat Umno dan BN berjaya memomok-momokkan rakyat negara ini daripada menerima hukum jenayah syariah?

PAS bukan lahir semata-mata untuk merebut pengaruh politik, ia berperanan memikul tanggung jawab khalifah Allah di muka bumi iaitu "mendirikan agama dan mentadbir dunia dengannya".

Jabatan Penerangan PAS Pusat,
KUALA LUMPUR.

ISU HUDUD

HJ. ABDUL HADI

Jawab

MAHATHIR

Cetakan pertama	Ogos, 1994
Cetakan kedua	November, 1994

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Reka bentuk berkomputer:

MATANG CIPTA SDN BHD
59-1, 1st Floor, Lorong Hj. Hussein Satu
50300 Kuala Lumpur
Tel: 03-2940023
Fax: 03-2940026

Diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN PAS PUSAT
28A Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Dicetak oleh:

PERCETAKAN AS SAFF
Taman Intan, Klang
Tel: 03-3430043

6 SEP 1995

D 784390 Perpustakaan Negara Malaysia

D
297.4 UP
1994

Kata Pengantar

KITA bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat menerbitkan buku "Isu Hudud: Haji Abd. Hadi jawab Mahathir". Dengan jawapan ilmiah ini hendaknya akan terjawablah semua kekeliruan dan salah faham mengenai Syariat Islam, di mana hudud menjadi sebahagian darinya.

Pihak-pihak tertentu memang sengaja menimbulkan kekeliruan itu kerana didorong oleh pelbagai kepentingan, lebih-lebih lagi kepentingan politik mereka. PAS merasa berkewajipan menjawab dan mempertahankan Syariat Islam ini dari serangan fitnah dan prejudis golongan tertentu.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah Kelantan kerana telah berjaya menggubal dan meluluskan Enakmen Jenayah Syariah (II) Kelantan termasuk hukum Hudud. Juga tahniah kepada Lajnah dan panel yang telah merangka enakmen itu.

Kelantan mencatat sejarah sebagai sebuah kerajaan yang bersungguh-sungguh hendak mendaulatkan Syariat Islam melalui lunas dan proses demokrasi berparlimen.

Kita berdoa kepada Allah S.W.T. semoga segala usaha kita ke arah menegakkan Syariat Islam sepenuhnya di Malaysia ini akan mendapat kejayaan.

Presiden PAS
USTAZ HAJI FADZIL MOHD NOOR

Kandungan

Dari Penerbit

Kata Pengantar

Prolog

Muqaddimah i

Bab 1

Hudud Pas atau Hudud Allah 1
- Qisas (قصاص)
- Hudud (حدود)
- Takzir (تعزير)

Bab 2

Hukum-Hukum yang Disandarkan di dalam Hudud 4
- Sariqah (سرقة)
- Hirabah (حرابة)
- Zina (زنا)
- Khazaf (قذف)
- Syurb (شرب)
- Murtad (مرتد)

Bab 3

Wajib Melaksanakan Hukum Hudud 13

- Ikrar (إقرار)
- Syahadat (Saksi)(شهادة)

Bab 4

Hakim dan Adab-adabnya 18

- Penjelasan Keraguan
- Hudud dan Siasah Syariyyah
- Hudud dan maslahat
- Hudud dan Maqasid Syariyyah
- Hudud dengan Sebab-sebab Perubahan Masa Tempat dan Waktu
- Apakah perkara yang diizinkan berijtihad

Penutup Kalam 48

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Hukum hudud yang menjadi sebahagian daripada hukum jenayah dalam Islam telah dimaklumi, difahami dan diyakini oleh umat Islam sejak ianya diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. lima belas abad yang lalu, ia menjadi sebahagian daripada syariat Allah yang wajib diterima oleh umat Islam sehingga menjadi sebahagian daripada aqidah atau iman. Betapa mendalamnya keyakinan masing-masing kepada hukum Allah ini sehingga berlakunya penjenayah hudud yang menyerah diri dengan ikrar secara sukarela dan ikhlas tanpa paksaan sedikit pun, walaupun bertaubat dalam hubungan di antara hamba dengan Allah dan memaaf di kalangan hamba lebih afdal tetapi tetap ada orang-orang yang memilih mengaku salah untuk dijatuhkan hukuman dunia kerana terlalu takut hukuman di akhirat. Sehingga Rasulullah s.a.w. menjelaskan secara berterus terang.

Apa yang berlaku sekarang sudah berbeza, sehingga hukum hudud menjadi suatu perkara yang dipertikaikan bukannya oleh penjenayah tetapi oleh orang yang memerintah, yang berkuasa dan dipilih menjadi pemimpin di zaman kini dengan alasan menggunakan akal semata-

mata dan mahu memaksa hukum Allah dengan kehendak akalnya, menandakan betapa kesan serangan pemikiran oleh penjajah ke atas generasi umat Islam di zaman mutakhir sehingga kemanisan iman berkurangan, mudah-mudahan ia tidak hilang, tetapi berkurangan oleh penyakit yang berpunca daripada serangan pemikiran itu.

Mudah-mudahan diberi pertunjuk kepada yang jahil kerana jahilnya dan terlalu sukar untuk menghadapi yang jahil murakab dan terlalu angkuh dengan kejahilannya disertakan pula oleh keraguan yang sengaja ditimbulkan oleh ulama-ulama jahat yang ada di sepanjang masa, yang meletakkan kepentingan dunia mengatasi kepentingan akhirat dan sanggup menjual akhirat dengan dunia yang murah, di samping ada pula murid-murid orientalis yang sengaja dikaderkan untuk tujuan mereka.

Dalam tulisan ini insya'Allah saya akan berterus terang untuk menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan daripada Kanun Jenayah Syariat (II) Negeri Kelantan, dan mudah-mudahan Allah mengurniakan keikhlasan, keberanian, ketegasan dan taufiq hidayah-Nya demi untuk mempertahankan hukum Allah daripada disentuh sewenang-wenang oleh orang-orang yang tidak mengenal tanggungjawabnya dan tidak mempunyai wawasan akhirat atau tipis untuk bersedia kearahnya. Mudah-mudahan dapat memberi keinsafan dan membuka pintu hati yang tertutup dan sengaja ditutup dengan mengulangi doa para rasul:

اللهم اهد قومي فإنهم لا يعلمون

"Ya Allah! ya Tuhanku!, berilah pertunjuk kepada kaumku!, sebenarnya mereka tidak mengerti"

Dan melangsungkan amaran Allah di dalam kitab suci al-Quranul Karim:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ
أَيْدِي ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ
(الروم: ٤١)

"Telah nyatalah keburukkan di daratan dan di lautan dengan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia, supaya dirasakan kepada mereka sebahagian daripada apa yang telah mereka lakukan, mudah-mudahan mereka kembali semula kepada Allah."

(Surah Ar-Rum: Ayat 41)

Mudah-mudahan usaha yang kecil ini dapat disokong dan dibantu oleh saudara-saudara seIslam dengan cara yang lebih nyata dan memberi kesedaran dan keinsafan.

BAB 1

Hudud Pas atau Hudud Allah

Kepada sesiapa sahaja yang mempelajari Islam sehingga sampailah ke peringkat hukum hudud mestilah mengetahui bahawa perkataan hudud itu sendiri mempunyai istilah mengikut hukum Islam iaitu hukuman yang ditentukan secara putus oleh Allah bukan penentuannya oleh mana-mana makhluk sama ada makhluk baik atau makhluk perosak, sama ada makhluk manusia secara individu atau parti atau kumpulan atau kerajaan dan lain-lain. Manusia yang mempunyai keilmuan dalam bidangnya walaupun sehingga ke peringkat berijtihad hanya boleh campur tangan dalam perkara furu' (cabang) dan penjelasannya yang diizinkan oleh Allah seperti dalam menentukan perkara-perkara kehakiman, keterangan, cara dan lain-lain.

Maka tidak wajar perkara hudud ini disandarkan kepada sesiapa, kerana ia hak kepunyaan Allah (hakimiah Allah) yang tidak boleh dirampas oleh sesiapa, kalau merampas jadi syirik. **Firman Allah Taala:**

أَمْ لَهُمْ شُرَكَٰٓؤُا۟ شَرَعُوا۟ لَهُم مِّنَ ٱلدِّينِ

مَّالَمْ يَأْذَن بِهِ ٱللَّهُ

(الشورى: ٢١)

"Apakah mereka mempunyai sekutu (syirik) dalam urusan Ad-Deen (agama menurut istilah Islam) dalam apa-apa perkara yang tidak diizin oleh Allah?"

(Surah Asy Syuura: Ayat 21)

Di antara perkara yang tidak diizinkan itu ialah perkara hudud kerana ia telah diputus oleh Allah dengan nas di dalam Kitab-Nya dan hadis rasul yang dipilih oleh Allah.

Oleh itu tidak diharuskan orang Islam menimbulkan hudud kepunyaan PAS atau sesiapa sahaja. Tetapi hudud Allah yang dipertanggungjawab kepada pemerintah, maka sesiapa sahaja yang menjadi pemerintah dan memimpin kerajaan kalau dia benar-benar Islam maka dialah yang bertanggungjawab, kalau yang bernama PAS memerintah maka merekalah yang diwajibkan menunaikan kewajipan itu, begitu juga kalau sesiapa sahaja yang memerintah menjadi wajib kepadanya bukannya sunat atau harus. Kalau belum berkesempatan maka mestilah berusaha ke arah itu.

Perlu difahami bahawa hukum hudud adalah salah satu daripada tiga cabang di dalam undang-undang jenayah Islam iaitu:

1. **QISAS:** (قصاص) dalam kesalahan yang berkait dengan hak sesama manusia berhubung dengan penyeksaan seperti membunuh dan meluka.

2. **HUDUD:** (حدود) dalam perkara yang berhubung de-ngan hak Allah atau berhimpunnya hak Allah dan manusia iaitu kesalahan yang berhubung dengan

keperluan memelihara agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan keperluan menjaga harta.

3. **TAKZIR:** (تعزير) dalam perkara yang tidak ada nas daripada al-Quran dan hadis di mana urusannya terserah kepada pemerintah atau kebijaksanaan mahkamah dengan kaedah-kaedah dan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Islam.

Kesalahan jenayah itu tidak boleh terkeluar daripada ketiga-tiga cabang ini. Maka tidak harus kepada pemerintah mengadakan hukum sendiri, bukan qisas, bukan hudud dan bukan takzir, tetapi kemahuan sendiri, boleh diambil dari mana sahaja yang difikirkan dan tidak harus juga mencampuradukkan Islam dengan yang lain untuk menjadi saduran dan sebagainya.

Hukum hudud mestilah dinamakan hukum Allah, hanya orientalis dan mereka yang terpengaruh dengan orientalis sahaja yang pernah menamakan ajaran Islam ini dengan agama Muhammad, atau undang-undang Muhammad atau Muhammada nizam dengan meneruskan istilah yang pernah digunakan oleh orang-orang musyrikin Makkah dan ahlil kitab ketika berhadapan dengan Rasulullah s.a.w.

BAB 2

Hukum-Hukum Yang Disandarkan Di Dalam Hudud

Menurut ulama silam seperti Ibnu Hajar al-As'qolani[1] dan lain-lain dan ulama di zaman kini seperti al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah[2] dan lain-lain bahawa hukum yang menjadi ijmak di dalam hudud dan tidak ada khilaf sedikit pun, kerana ianya sabit dengan nas-nas yang sarih daripada al-Quran dan al-Sunnah ialah:

1. **SARIQAH:** (سرقة) (mencuri) memindah dengan cara bersembunyi harta alih daripada jagaan atau milikan tuannya dari tempat simpanannya, yang mana perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menghilangkan harta itu daripada jagaan atau milikan tuannya.

   Hukumnya ditetapkan oleh firman Allah Taala:

   وَٱلسَّـارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقْطَعُوٓاْ أَيْدِيَهُمَا جَـزَآءَ
   بِـمَا كَسَـبَا نَكَـٰلاً مِّنَ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ عَزِيـزٌ حَكِيـم

(1) Fath al-Bari: Juzuk 12, halaman 86.
(2) Al-Uqubah Li Sheikh Muhamad Abu Zahrah.

فَمَن تَابَ مِن بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

(المائدة: ٣٨ - ٣٩)

"Pencuri lelaki dan pencuri perempuan, potonglah tangan keduanya sebagai balasan perbuatannya dan untuk pengajaran yang dapat mencegah dari Allah, dan Allah itu Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana. Maka sesiapa yang bertaubat selepas melakukan kejahatan dan melakukan perbaikan nescaya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(*Surah al-Maidah: Ayat 38–39*)

Di samping hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menetap dan menjelaskannya, di antaranya sabda Rasulullah s.a.w. kepada Usamah bin Zaid berhubung kerana meminta syafaat supaya jangan dipotong tangan pencuri bangsawan (golongan ternama).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

أتشفع فى حد من حدود الله؟ ثم قام فخطب فقال: يا أيها الناس إنما أهلك الذين من قبلكم أنهم كانوا إذا سرق فيهم الشريف تركوه وإذا سرق فيهم الضعيف أقاموا عليه الحد وأيم الله لو كانت فاطمة بنت محمد سرقت لقطعت يدها.

(متفق عليه)

"Adakah engkau meminta syafaat dalam perkara hukum hudud Allah? Kemudian Rasulullah s.a.w. bangun berkhutbah: Wahai manusia!, sesungguhnya binasalah orang-orang yang lebih dahulu daripada kamu kerana tindakan mereka, apabila orang bangsawan mencuri mereka biarkan, dan apabila orang yang lemah mencuri mereka jatuhkan hukuman had. Demi Allah sekiranya anakku Fatimah binti Muhammad mencuri nescaya aku potong tangannya."

(Muttafaqun alaih)

2. **HIRABAH:** (حرابة) perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan menggunakan kekerasan oleh seseorang atau kumpulan yang bersenjata atau alat yang boleh digunakan menjadi senjata.

Hukumannya ditetapkan oleh al-Quran, iaitu firman Allah Taala:

إِنَّمَا جَزَٰٓؤُاْ ٱلَّذِينَ يُحَارِبُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا أَن يُقَتَّلُوٓاْ أَوْ يُصَلَّبُوٓاْ أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم مِّنْ خِلَٰفٍ أَوْ يُنفَوْاْ مِنَ ٱلْأَرْضِ ذَٰلِكَ لَهُمْ خِزْىٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ مِن قَبْلِ أَن تَقْدِرُواْ عَلَيْهِمْ فَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

(المائدة: ٣٣ - ٣٤)

"Sesungguhnya balasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan rasulNya dan membuat bencana di muka bumi tiada lain dari dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka secara sebelah yang berlainan atau dibuang dari negeri, ini adalah sebahagian daripada penghinaan untuk mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh siksa yang sangat besar."

(*Surah al-Maidah: Ayat 33–34*)

Menurut pendapat jumhur ulama tafsir, ayat ini diturunkan bersabit dengan hukuman merompak.

3. **ZINA:** (زنا) suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan se-orang perempuan yang bukan pasangan suami isteri dan milik dan tidak termasuk dalam Wathi Syubhah. (وطئ شبهة)

Hukumannya mengikut dua keadaan orang yang melakukan kesalahan:

i. **Muhsyan:** (محصن) yang telah berkahwin dengan perkahwinan yang sah, maka hukumannya ialah direjam sehingga mati. Dalilnya ialah firman Allah Taala yang dinasah bacaannya tetapi diteruskan hukumnya, iaitu:

الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما البتة

"Orang yang telah berkahwin lelaki dan perempuan apabila berzina maka rejamlah sahaja keduanya itu."

Hadis-hadis yang banyak, di antaranya:

عن عمران بن حصين رضي الله عنه أن امرأة من جهينة أتت النبي صلى الله عليه وسلم وهي حبلى من الزنا فقالت: يا نبي الله!، أصبت حدا فأقمه علي. فدعا رسول الله صلى الله عليه وسلم وليها فقال: أحسن إليها فإذا وضعت فأتني بها ففعل فأمر بها فشكت (وورد فى رواية) عليها ثيابها ثم أمر بها فرجمت ثم صلى عليها. فقال عمر: أتصلي عليها يا رسول الله وقد زنت؟. فقال: لقد تابت توبة لوقسمت بين سبعين من أهل المدينة لوسعتهم، وهل وجدت أفضل من أن جادت بنفسها لله.

(رواه مسلم)

"Dari Imran bin Husin r.a.: seorang perempuan dari kabilah Jahinah datang mengadap Rasulullah s.a.w. dalam keadaan mengandung daripada perbuatan zina, dia berkata: Wahai Nabi Allah!, saya telah mengenai hukuman had, maka lakukanlah terhadap saya. Lalu Rasulullah memanggil walinya seraya bersabda: berlaku baiklah kepadanya, apabila dia telah melahirkan

anaknya bawalah dia kepadaku. Lalu walinya melakukan apa yang diperintah. Maka diperintah supaya diperkemaskan pakaiannya kemudian diperintah supaya direjam (sehingga mati). Kemudian Rasulullah s.a.w. menyembahyangkan jenazahnya. Maka berkatalah Umar r.a.: Adakah engkau telah menyembahyangkannya wahai Rasulullah!, pada hal dia telah berzina?. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya dia telah bertaubat, sekiranya dibahagikan taubatnya itu di kalangan tujuh puluh orang penduduk Madinah nescaya luas untuk mereka, adakah kamu sendiri dapati lebih baik dia bersikap baik kepada Allah dengan menyerah dirinya kerana Allah."

(Riwayat Muslim)

Hadis ini mengenai orang yang telah berkahwin melakukan zina.

ii. (غير محصن) : yang belum berkahwin dengan perkahwinan yang sah.

Hukumannya disebat sebanyak seratus kali. Dalilnya ialah firman Allah Taala:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُواْ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِاْئَةَ جَلْدَةٍ وَلاَ تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ

(النور: ٢)

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipe-ngaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah disaksikan hukuman siksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

(Surah al-Nur: Ayat 2)

Adapun hadis di antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

خذوا عني، خذوا عني قد جعـل الله لهن سبيلا، البكر بالبكر جلد مائة ونفي سنة....

(رواه أحمد)

"Ambillah kamu daripadaku, ambillah kamu daripada aku (hukuman ke atas perempuan yang berzina). Sesungguhya Allah telah mengadakan untuk mereka jalan keluar iaitu penzina teruna dengan dara disebat seratus kali dan dibuang negeri setahun."

(Riwayat Ahmad)

4. **QAZAF:** (قذف) menuduh seseorang dengan berzina tanpa saksi.

Hukumannya telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quranul Karim iaitu firman Allah Taala:

وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا۟ بِأَرْبَعَةِ

شُهَدَآءَ فَٱجْلِدُوهُمْ ثَمَٰنِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا۟
لَهُمْ شَهَٰدَةً أَبَدًا وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

(النور: ٤)

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan terhadap perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang yang fasiq."

(Surah an-Nur : Ayat 4)

5. **SYURB:** (شرب) meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan.

Hukumannya sabit dengan amalan Nabi s.a.w. yang menjatuhkan hukuman sebat sebanyak empat puluh kali dan Saidina Umar menambahnya dengan lapan puluh kali. Dan kita diwajibkan mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. dan sunnah para Khulafa al-Rasyidin r.a.

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم أتي برجل قد شرب الخمر فجلده بجريدتين نحو أربعين. قال (أي أنس) وفعله أبو بكر، فلما كان عمر استشار الناس فقال عبدالرحمن بن عوف: أخف الحدود ثمانون فأمر به عمر.

(متفق عليه)

"Diriwayatkan dari Anas bin Malik r.a. bahawa seorang lelaki telah sabit meminum arak telah dibawa mengadap Rasulullah s.a.w. lalu dijatuhkan hukuman sebat sebanyak empat puluh kali dengan pelepah tamar. Kata Anas: begitulah juga dilakukan oleh khalifah Abu Bakar. Apabila zaman khalifah Umar beliau telah bermusyawarah dengan para sahabat lalu berkatalah Abdul Rahman bin Auf: jadikan saringan-saringan hudud iaitu lapan puluh kali sebat. Lalu Umar memerintah supaya hukuman itu dikenakan."

(Muttafaqun alaihi)

6. **MURTAD:** (ارتداد اتو ردة (مرتد) : iaitu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang mukallaf dengan membatalkan Islam dan imannya yakni keluar daripada agama Islam sama ada dengan perkataan atau perbuatan adapun hati terserah kepada Allah.

Hukumannya ialah dibunuh sehingga mati setelah diberi peluang bertaubat beberapa hari. Dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

من بدل دينه فاقتلوه

(رواه البخاري وأبو داؤد)

"Sesiapa yang menukar agamanya (Islam) maka bunuhlah dia."

(Riwayat al-Bukhari Dan Abu Daud)

Perhatian:

Walaupun para ulama menyenaraikan sehingga tujuh belas perkara yang dinamakan kesalahan hudud tetapi enam perkara yang tersebut di atas tidak boleh dipertikaikan dengan ijmak (sepakat para ulama semua mazhab). Kerana ia disarihkan dengan nas-nas yang nyata. Adapun yang lain termasuk di dalam perkara khilafiah.

BAB 3

Wajib Melaksanakan Hukum Hudud

Melaksanakan hukum Allah diwajibkan dengan nas-nas yang sarih di antaranya firman Allah Taala:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا

(النساء: ١٠٥)

"Sesungguhnya kami telah menurunkan kepadamu (Ya Muhammad s.a.w.) akan kitab (al-Quran) dengan sebenarnya supaya kamu menghukum manusia dengan apa yang telah dinyatakan oleh Allah maka janganlah kamu menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat."

(Surah an-Nisa': Ayat 105)

Semua ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan hudud dengan féel amar atau lafaz yang bermaksud per-

intah secara wajib seperti ayat memerintah sembahyang lima waktu, zakat dan haji.

(Adapun kenyataan Perdana Menteri Mahathir Mohamad): *Antara kita ada juga yang tidak cuba mengikut dan menghayati sifat-sifat yang ada pada Allah SWT. Antara kita bukan sahaja tidak penyayang dan tidak pengasih, tetapi juga mudah bertindak dengan tidak adil kepada umat Islam yang lain dan umat manusia).*

Perlu difahami bahawa di antara cara menghayati sifat-sifat Allah dan namanya yang Maha baik ialah percaya kepada hukum hudud dan beramal dengannya, kerana hukum hudud itu dari Allah Yang Maha Mengetahui maka dia juga Maha Mengetahui hikmah disebalik hukum hudud itu, dan hudud juga adalah dari Allah yang Maha penyayang supaya tidak berlaku kemusnahan kepada hamba-Nya dengan mengerjakan maksiat supaya tidak mengerjakan maksiat di mana semua maksiat merosakkan hamba-Nya di dunia dan akhirat. Dan menghukum orang yang mengerjakan maksiat juga kerana kedegilannya ialah kerana mengasihani orang-orang yang menjadi mangsa atau mengasihani masyarakat yang menjadi mangsa adalah lebih perlu daripada mengasihani individu yang mengerjakan maksiat. Tidakkah Allah berfirman dalam perkara hudud zina:

وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ.

(النور: ٢)

"Dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya (yang melakukan zina

itu dalam menjalankan hukum Allah jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat."

(Surah an-Nur: Ayat 2)

Sebenarnya tidak percaya kepada hudud dan tidak yakin kepada melaksanakannya lebih bermakna tidak percaya kepada sifat-sifat dan nama-nama Allah kerana hukum hudud juga terpancar daripada sifat-sifat kesempurnaan Allah dan kemuliaan nama-nama-Nya.

Adapun kebimbangan tidak berlaku adil tidak timbul dan tidak berlaku sekiranya kita merujuk kepada syarat-syarat dan keterangan-keterangan yang berkait dengan pelaksanaan hukum hudud itu seperti syarat-syarat saksi, ikrar (mengaku salah), keterangan-keterangan yang lain dan sebagainya. Di samping semuanya berkait dengan aspek rohani masalah dosa pahala dan hukuman balasan di hari akhirat di mana aspek ini tidak ada dalam undang-undang ciptaan manusia yang diamalkan pada hari ini kerana undang-undang manusia hanyalah menyatakan hukuman di dunia sahaja dan tidak ada pengawasan dari aspek rohani. Maka perlu difahami bahawa pelaksanaan hudud tidak boleh dipisahkan daripada perkara-perkara ini, dan menjadi perkara wajib kepada kerajaan seperti wajibnya melaksanakan hukum syariat yang lain. Oleh itu maka hukum Islam tidak boleh disamakan dengan undang-undang manusia. Untuk penjelasannya perlu difahami perkara-perkara ikrar, saksi dan keterangan-keterangan yang lain.

IKRAR (إقرار)

Sebaik-baik keterangan untuk menyabitkan tertuduh ialah ikrar yakni pengakuan oleh orang yang melakukan kesalahan dengan syarat-syarat: berakal, baligh, dengan sukarela (tanpa apa-apa paksaan), dan oleh orang diambil kira perhitungannya di hadapan pihak yang berkenaan. Ia

hanya ke atas orang-orang yang berikrar itu sahaja dan tidak boleh disabitkan kesalahan terhadap orang lain.

Orang yang berikrar itu dibenarkan menarik balik ikrarnya dan tidak boleh dihukum lagi. Islam menetapkan bahawa bertaubat dan menyembunyikan dosa itu lebih afdhal daripada ikrar kerana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik di dalam al-Muwatho' daripada Zaid bin Aslam r.a. sabda Rasulullah s.a.w.:

أيها الناس!، قد أن لكم أن تنتهوا عن حدود الله، من أصاب شيئا من هذه القاذورات فليستتر بستر الله فإن من يبد لنا صفحته نتم عليه كتاب الله.

فإن الإمام يخطئ فى العفو خير من أن يخطئ فى العقوبة.

(رواه الترمذي)

"Wahai manusia!, sesungguhnya telah tibalah untuk kamu berhenti daripada hudud Allah (perkara yang diharamkan oleh Allah yang dihukum dengan hukuman hudud). Sesiapa yang mengenainya oleh kekotoran ini maka hendaklah ia menyembunyikannya dengan ditutup oleh Allah rahsianya. Maka sesungguhnya sesiapa yang mendedahkan kesalahannya kepada kami maka kami sempurnakan kepadanya hukuman kitab Allah."

(Riwayat al-Tarmizi)

SYAHADAT (SAKSI) (شهادة)

Kesalahan juga disabitkan dengan saksi, dengan syarat-syarat yang diketatkan bukannya sewenang-wenang su-

paya tindakan tidak berlaku secara sewenang-wenang. Di mana bilangan saksi yang ditetapkan di bawah hukum hudud ialah dua orang kecuali zina saksi-saksinya mestilah empat orang dengan syarat-syarat:

1. Islam: kerana perkara ini berkait dengan perhitungan iman yang bergantung dengan kepercayaan kepada adanya pengawasan Allah, perhitungan dosa pahala dan lain-lain.
2. Adil: tidak mengerjakan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah.
3. Lelaki: kerana sifat semula jadi kaum wanita tidak wajar untuk menjadi saksi dalam perkara ini.
4. Baligh dan berakal.
5. Dapat memberi keterangan yang jelas.
6. Tidak boleh menimbulkan keraguan dan tohmahan seperti pernah bermusuh sehingga mengelirukan keterangan.

BAB 4

Hakim dan Adab-Adabnya

Islam telah menetapkan syarat-syarat yang ketat berhubung dengan jawatan kehakiman, bukan sahaja syarat ilmu-ilmu atau kelayakan akademik tetapi juga syarat-syarat akhlak yang menamakan keperibadian yang tinggi. Dan cara-cara hakim mengendalikan mahkamah. Mereka dijanjikan pahala yang besar sekiranya berlaku adil dan neraka di hari akhirat sekiranya berlaku zalim. Kalau dirujuk kepada ajaran Islam secara menyeluruh maka kekeliruan tidak harus timbul. Adanya kekeliruan ialah kerana membuat perhitungan secara fikiran Barat dan neraca Barat.

PENJELASAN KERAGUAN

1. **Perdana Menteri menegaskan dalam ucapannya:** sebagai contoh untuk kajian, kita boleh mengambil kes rogol, secara ringkas seseorang wanita yang belum kahwin dirogol, ia membuat pengaduan terhadap orang yang merogolnya, orang yang dikenali olehnya, apakah yang akan berlaku dengan kes ini mengikut undang-undang PAS, iaitu Seksyen 10 berkenaan zina?. Untuk mengesahkan bahawa wanita itu benar-

benar telah dirogol dan bukan ia dengan rela hati berzina, empat orang saksi terdiri daripada orang yang tidak berdosa besar dan tidak melakukan dosa-dosa kecil berulang kali diperlukan. Saksi seperti ini sudah terlalu sukar didapati. Yang pertama perogol tidak merogol di hadapan saksi, ia sudah tentu tidak ingin mendedahkan dirinya kepada hukuman berat yang akan dikenakan ke atasnya jika hukuman tidak berat sekalipun dia tidak akan mendedahkan dirinya.

Undang-undang PAS juga tidak akan menerima (*circumstances evidence*) tanda-tanda pada mangsa yang membuktikan bahawa dia telah dirogol, atau tanda-tanda pada perogol. Wanita yang tidak berkahwin melahirkan anak maka ia dianggap telah melakukan zina oleh kerana ia tidak dapat membuktikan ia telah dirogol ia tidak dapat mempertahankan dirinya daripada tuduhan zina Seksyen 46 Subseksyen (2) undang-undang PAS.

Jawapannya:

Pertama: Perlu difahami bahawa istilah rogol digunakan oleh undang-undang Barat, iaitu mereka yang dipaksa bersetubuh termasuk juga suami isteri, atau orang yang tidak cukup umur menurut perhitungan mereka melakukan persetubuhan walaupun secara suka rela. Adapun persetubuhan secara suka-rela oleh orang yang telah cukup umurnya menurut mereka tidaklah termasuk di dalam pengertian rogol. Istilah ini sedikit sebanyak mempengaruhi perundangan kita dengan penafsiran ala Malaysia.

Islam memakai perkataan zina iaitu persetubuhan tanpa perkahwinan atau milik yang sah kecuali Wathi Syubhah (وطئ شبهة) sama ada secara sukarela atau paksa.

Kedua: orang yang dipaksa tidak boleh dihukum kerana di luar taklif (bebanan hukum syarak). Walaupun ada alasan berlakunya zina seperti mengandung sekiranya orang yang dituduh menyatakan dia dipaksa. Kalau dia berikrar secara sukarela maka hukuman had dikenakan sila lihat hadis Rasulullah s.a.w. tentang perempuan mengandung kerana berzina dan hadis mengecualikan orang yang dipaksa daripada taklif. Dan sila baca habis-habis Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan yang menegaskan kecuali jika dapat membuktikan sebaliknya. Di mana dia tidak berikrar dengan melakukan zina secara sukarela sudah cukup menjadi bukti menurut hukum Islam. Dan ikrarnya dengan menuduh orang lain tidak boleh diterima dengan sewenang-wenang.

Ketiga: Islam mengetatkan syarat-syarat saksi supaya hudud tidak dilakukan sewenang-wenang, penekanan yang diutamakan daripada hikmat hudud bukannya untuk menjatuhkan hukuman tetapi untuk menghindarkan maksiat dengan hukuman yang menakutkan. Bahkan kalau ada sedikit kekeliruan di dalam ikrar atau saksi maka tidak boleh dijatuhkan hukuman hudud dan hakim berusaha untuk mencari hujah bagi membebaskan orang yang dituduh, kerana menurut kaedah perundangan Islam orang yang dituduh dikira tidak bersalah selagi belum dibuktikan. Islam juga menegaskan bahawa kesilapan seseorang hakim kerana membebaskan orang yang dituduh lebih baik daripada kesilapan menjatuhkan hukuman ke atasnya kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

فإن الإمام يخطئ فى العفو خير من أن يخطئ فى العقوبة.

(رواه الترمذي)

"Maka sesungguhnya kesilapan seseorang imam (pemimpin yang menjadi hakim) memaafkan lebih baik daripada kesilapan menjatuhkan hukuman."

(Riwayat al-Tarmizi)

Keempat: sekiranya alasan untuk menjatuhkan hukuman hudud tidak mencukupi tetapi ada alasan-alasan yang lain penjenayah tidak boleh dibebaskan sewenang-wenang, maka hukuman berpindah kepada takzir. Sila lihat Seksyen 47 Kanun Jenayah Syariah (II).

Kelima: kalau tidak ada bukti sedikit pun, tetapi pada hakikatnya penjenayah itu sungguh-sungguh bersalah dia menyembunyikan kesalahannya dan disembunyikan oleh Allah, menurut Islam dia akan dihukum di akhirat di mana hukumannya api neraka yang lebih berat daripada hudud dan takzir, bukan habis di dunia sahaja seperti menurut perhitungan orang yang tidak beriman kepada hari akhirat tetapi sekiranya dalam perkara yang berhubung dengan hak Allah SWT kalau dia bertaubat dengan ikhlas memenuhi syaratnya nescaya Allah mengampuni dosanya, dan dalam perkara yang berhubung dengan hak manusia kalau dia tidak meminta halal di dunia nescaya dia akan dibicarakan di hadapan Allah dengan cara yang Maha Adil.

Keenam: menamakan undang-undang Allah dengan nama manusia adalah cara yang pernah dilakukan oleh mereka yang menolak ajaran-ajaran rasul-rasul a.s. di zaman masing-masing dan dipakai oleh para orientalis di zaman muktakhir seperti, ajaran Muhammad, undang-undang Muhammad dan lain-lain.

2. **Kata Perdana Menteri:** undang-undang PAS tidak akan dikenakan ke atas orang-orang bukan Islam di

Kelantan. Tetapi orang-orang bukan Islam di Kelantan tidak terletak di bawah undang-undang mana-mana kitab, mereka terletak di bawah undang-undang ciptaan manusia.

Penjelasan

Pertama: firman Allah Taala:

سَمَّـٰعُـونَ لِلْكَـذِبِ أَكَّـٰلُونَ لِلسُّـحْتِ فَإِن
جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْـرِضْ عَنْهُمْ وَإِن
تُعْرِضْ عَنْهُـمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـئًا فَإِنْ حَكَمْتَ
فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْـطِ ... (المائدة: ٤٢)

"Maka jika sekiranya mereka itu datang kepadamu maka hukumlah di kalangan mereka atau berpaling daripada mereka dan jika engkau berpaling daripada mereka maka mereka tidak akan memberi mudarat kepadamu sedikit pun. Maka jika engkau menghukum mereka maka hukumlah di kalangan mereka dengan adil."

(Surah al-Maidah: Ayat 42)

Al-Qurtubi menyebut di dalam tafsirnya: terdapat kekhilafan di kalangan ulama berhubung dengan kedudukan Ahlul Zimmah (orang bukan Islam yang menjadi rakyat dalam negara Islam) para ulama tafsir di zaman dahulu di antaranya al-Nakha'ie, al-Syafi'e dan lain-lain dan menurut pendapat Imam Malik Rahmatullah: diberi pilihan sama ada dihukum dengan hukum Islam atau hukum mereka.(1)

(1) Al-Qurtubi: Bab 6, halaman 184, Al-Madunah al-Kubra: Bab 4, halaman 384, Ahkam ahli zimmah: Abdul Karim Zaidah, halaman 251.

Kedua: sila lihat Kanun Jenayah Syariah (II): Seksyen 56 Subseksyen (2) tidak ada apa-apa di dalam enakmen ini yang menghalang seseorang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Kelantan dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukan enakmen ini hendaklah terpakai ke atasnya seperti juga peruntukan tersebut terpakai ke atas orang-orang Islam.

Kanun Jenayah Syariah (II) tidaklah bermakna membebaskan sewenang-wenang orang-orang bukan Islam tetapi mestilah dihukum mengikut pilihan mereka dengan memberi kelonggaran kerana masalah ini termasuk di dalam perkara ijtihad yang menjadi khilaf di kalangan ulama, di mana kerajaan Kelantan telah memilih pendapat Mazhab al-Malakiyyah yang membolehkan orang-orang bukan Islam tidak dikenakan hukum hudud dan terpulanglah kepada mereka[1], dan kalau mahu dikenakan hukum hudud kita menerimanya dengan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam hudud (mengikut pendapat mazhab yang lain). Seseorang Islam boleh memilih dengan mentarjihkan mana-mana mazhab dalam perkara khilafiyah. Tetapi Perdana Menteri tidak menetapkan apakah mazhab yang beliau mahu mengikut nasihat mana-mana penasihat agama beliau atau kalau mampu mentarjih sendiri.

Sila bandingkan dengan Seksyen (187) Enekmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Terengganu Darul Iman di mana Menteri Besarnya dan salah seorang daripada pemimpinnya yang menjadi Pengerusi Biro Agama UMNO:

---

(1) Ahkam ahli zimmah: Abd Karim Zaidan: Hal:251.

"Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dengan nyata sebaliknya kesalahan-kesalahan di dalam bahagian ini hendaklah dipakai dan digunakan ke atas orang-orang yang beragama Islam sahaja atas ke atas orang-orang yang pada masa berlaku sesuatu kesalahan itu adalah orang Islam."

Sila lihat dalam kes Abdul Rahim bin Haji Bahaudin melawan Chief Kadhi Negeri Kedah (1983) (2) Majlis Agama Islam Negeri Kedah (Negeri Perdana Menteri) muka surat 370.

Kedua contohnya menunjukan orang yang bukan Islam dibebaskan begitu sahaja. Inilah yang diamalkan di negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional di mana pemimpin-pemimpin UMNO menjadi tunggak utama kepimpinan melalui tauladan.

Sila bandingkan dengan Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan.

Ketiga: pendapat tersebut dipilih kerana melihat beberapa realiti yang ada di Malaysia:

i. Kedudukan orang bukan Islam telah ditetapkan secara sarih di dalam perlembagaan di bawah bidang kuasa pusat dan enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional membebaskan sepenuhnya orang-orang bukan Islam daripada bidang kuasa mahkamah yang dinamakan mahkamah syariah. Maka Kanun Jenayah Syariah tidaklah membebaskannya secara mutlak dan bersedia membuat perubahan ke arah Islam yang sebenarnya apabila situasinya berubah dan bersedia berbincang untuk membuat perubahan.

ii. Sebenarnya Negara Malaysia belum mempunyai ciri-ciri negara Islam yang sebenar yang mem-

bolehkan orang-orang bukan Islam berada di bawah undang-undang Islam kerana perlembagaannya masih dibelenggu penjajahan, maka menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat membuat perubahan yang penting ini, atau beri peluang kepada Kerajaan Kelantan menunjukkan memerdekakannya.

Keempat: setiap orang yang percaya kepada adanya hari pembalasan atau hari akhirat tetap menyedari dan percaya bahawa masalah undang-undang tidak selesai di dunia. Pendapat mazhab yang menyatakan orang-orang bukan Islam tidak dikenakan hukum hudud kepada mereka tidak selesai di dunia, kerana mereka tidak terlepas daripada hukuman di hari akhirat. Adapun orang Islam yang dihukum di dunia dengan hukum hudud dibebaskan daripada dihukum di akhirat kerana kesalahan yang dilakukan itu, kerana dosanya hilang dengan dijatuhkan hukuman itu dan di antara tujuan hudud itu ialah menghilangkan dosa adapun orang kafir tidak hilang dosa di akhirat dengan hukuman hudud di dunia mengikut hujjah ulama yang berpendapat bahawa orang bukan Islam tidak dipaksa dengan hukum hudud itu.

Kelima: oleh kerana masalah tersebut di dalam perkara ijtihad maka ia boleh menerima perubahan dalam perkara itu, maka sesiapa sahaja boleh mengemukakan pendapat dengan syarat-syarat ijtihad yang sebenar dan berkemampuan dan Kerajaan Pusat boleh membuat perubahan di dalam perlembagaan yang dijanjikan. Perlu difahami bahawa ijtihad tidak boleh membatalkan hukum hudud yang telah dinaskan tetapi boleh dalam huraian-huraian yang tidak ada nas dan nas-nas yang bersifat umum dan nas-nas yang tidak nyata. Kerajaan Kelantan tidak jumud dalam perkara ini dan wajib berpegang teguh dengan

prinsip yang ditetapkan di dalam nas.

Keenam: orang-orang bukan Islam di Malaysia masih terlalu awal mengenali hudud dan mereka pula dikelirukan oleh media masa yang tidak beriman kepada hukum Allah dan terlalu terpengaruh dengan teori yang diimport ke dalam masyarakat Islam, mereka perlu diperlihatkan dahulu secara ilmu dan praktikal. Berbeza dengan orang-orang Islam kerana perkara hudud menjadi perkara wajib ke atas mereka dan berkait erat dengan rukun iman dan Islam.

Ketujuh: apabila orang Islam dikenakan hukuman had maka akhlak masyarakat Islam lebih terkawal dan mereka menjadi masyarakat yang bermaruah, berwibawa lebih daripada orang lain dan memberi kemuliaan kepada mereka di dunia dan akhirat, apabila orang-orang bukan Islam bebas daripada hudud mereka pasti tidak dapat mengatasi masalah akhlak. Maka orang Islam bukannya dizalimi, direndah, dihina dengan hudud sebaliknya mereka menjadi mulia dengannya.

3. **Berkatalah Perdana Menteri:** dalam perkara ini kaedah fiqah ada menyatakan hukum itu berubah dengan sebab perubahan masa tempat dan waktu dan kaedah lain menyatakan tindakan imam atau ketua negara ke atas rakyat bergantung kepada maslahat. Kaedah-kaedah ini terkandung prinsip besar yang dipanggil siasah syar'iyyah.

Untuk penjelasan perlu dinyatakan perkara berikut:

Pertama: HUDUD DAN SIASAH SYAR'IYYAH

Perkataan Siasah Syar'iyyah daripada bahasa Arab iaitu masdar daripada perkataan sasa, yuwas wisu,

siasatan maknanya mentadbir atau memimpin, menurut istilahnya ialah urusan mentadbir negara, memerintah dan memimpinnya, yang disebut dalam bahasa asing dengan perkataan politik.

Oleh kerana siasah atau politik menjadi sebahagian daripada Islam menurut nas-nas al-Quranul Karim, hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan ijmak para ulama khususnya para sahabat r.a. maka ia menjadi sebahagian daripada ilmu fiqah yang dikaji oleh para ulama. Oleh kerana ada juga teori-teori ciptaan manusia dalam perkara siasah maka perlu dibezakan di antara siasah di dalam Islam dengan yang lain maka para ulama menamakan siasah yang terkandung di dalam ajaran Islam itu dengan Siasah Syar'iyyah yakni siasah mengikut hukum syarak dan siasah ciptaan manusia dinamakan Siasah Wadh'iyyah.

Di dalam perkara Siasah Syar'iyyah ini bukan sahaja mengandungi perkara yang ada nas di dalam al-Quran dan hadis tetapi juga dalam perkara yang tidak ada nas. Ibnu al-Qayyim, Ibnu al-Jauriyah Rahimahullah menegaskan di dalam kitabnya al-Sarq Hakimiyyah Al-Sarq al-hakamiyyah fi Siasah al-Syar'iyyah:

فقال شافعي لاسياسة إلاما وافق الشرع.
فقال ابن عقيل: السياسة ماكان فعلا يكون
معه الناس أقرب إلى الصلاح، وأبعد عن
الفساد وإن لم يضعه الرسول، ولا نزل به
وحي. فإن أردت بقولك: إلا ما وافق الشرع.
أي لم يخالف مانطق به الشرع فصحيح. وإن
أردت لاسياسة إلا ما نطق به الشرع فغلط
وتغليط للصحابة.

"Berkata seorang ulama dalam mazhab Syafi'ie: tiada siasah melainkan apa yang menepati syarak. Maka Ibnu Aqil menjelaskan: Siasah itu ialah apa-apa perbuatan yang mana manusia yang bersamanya lebih hampir kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada keburukkan sekalipun Rasulullah tidak menyatakannya, dan wahyu berkenaannya tidak diturunkan. Jika engkau bermaksud daripada perkataan: Melainkan apa yang menepati syarak itu: Tidak menyalahi apa yang diucapkan oleh syarak. Maka kata-kata itu betul. Dan jika engkau bermaksud: Tiadalah siasah itu melainkan apa-apa yang diucapkan oleh syarak maka kata-kata itu salah, dan menyalahkan para sahabat r.a. yakni dalam beberapa tindakan mereka."

Perlu difahami bahawa hukum hudud yang disebut dalam Undang-Undang Jenayah Syariah (II) itu adalah hukum yang disebut secara nas hukum syarak. Dan menepati Siasah Syar'iyyah. Termasuk di dalam cara pelaksanaannya yang tidak terikat dengan satu-satu mazhab adalah kerana meraikan siasah syar'iyyah. Adapun hukuman hudud itu sendiri adalah hukum yang sarih (صريح) yang tidak terikat dengan masa dan mazhab. Siasah Syar'iyyah tidak sekali-kali membatalkan hukum yang sarih.

Ibnu Qaiyyim menegaskan lagi:

وهذا موضع مزلة أقدام، ومضلة أفهام، وهو مقام ضنك، ومعترك صعب، فرط فيه طائفة، فعطلوا الحدود، وضيعوا الحقوق، وجرؤا أهل الفجور على الفساد، وجعلوا الشريعة قاصرة لا تقوم بمصالح العباد محتاجة إلى غيرها.

"Inilah tempat tergelincirnya pendirian, kesesatan fahaman, tempat berlakunya kepincangan, dan membawa kepayahan, di mana adanya golongan yang melampaui batas lalu mengendalakan hudud, mengabaikan hak-hak yang adil, menyebabkan orang yang suka mengerjakan maksiat menjadi berani untuk melakukan kejahatan, dan mereka menjadikan hukum syariah terhad sehingga tidak boleh membawa maslahat kepada hamba Allah dan menjadikan hukum syariah itu berhajat kepada yang lain."

Di antaranya apa yang berlaku sekarang ini, bukan sahaja undang-undang hudud ditinggalkan, berleluasanya maksiat itu tetapi undang-undang asing seperti Inggeris dan lain-lain diamalkan, seolah-olah Islam ini tidak sempurna. Ditambah pula dengan usaha untuk menyembunyikan Islam dan mengelirukan orang ramai terhadap ajarannya dengan ucapan yang bercampur aduk di antara hak dan batil.

Orang-orang Yahudi di zaman Nabi s.a.w. telah berusaha untuk mengelakkan diri daripada hukum hudud kerana tidak sesuai dengan diri mereka, tibatiba secara kebetulannya hudud yang ada di dalam Taurat sama dengan yang ada di dalam al-Quranul Karim, lalu Rasulullah s.a.w. menjatuhkan hukuman dengan yang ada di dalam Taurat. Hujjah ini menjadi alasan kepada para ulama untuk menyerahkan kepada orang bukan Islam supaya mereka memakai undang-undang mereka. Dan mazhab Maliki telah menyebut secara mutlak.

(ترد إلى أهل دينها عند مالك ويحد المسلم
(المدونة لكبرى، ج ٤ . ص - ٣٨٤)

"Diserahkan kepada penganut agamanya menurut penda-

pat Imam Malik dan orang Islam dikenakan hukuman had, inilah yang dinamakan Siasah Syar'iyyah."

(Al-Dunah al-Kubra Juzuk 4, halaman 384)

Allah berfirman ditujukan kepada orang-orang Yahudi:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

(البقرة: ٤٢)

"Janganlah kamu mencampur adukkan kebenaran dengan kebatilan dalam keadaan kamu menyembunyikan kebenaran pada hal kamu mengetahuinya."

(Surah al-Baqarah: Ayat 42)

Firman-Nya kepada orang Yahudi itu:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

(المائدة: ٤٤)

"Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah mereka itulah orang-orang yang kafir."

(Surah al-Maidah: Ayat 44)

Siasah Syar'iyyah mengajar umat Islam bagaimana beramal dengan hukum Allah di antara hukum hudud secara tepat atau dikenakan hukuman takzir,

bukannya bagaimana cara untuk meninggalkan hukum Allah dengan mengambil hukum lain bukannya qisas, bukannya hudud dan takzir juga bukan.[1]

Kedua: HUDUD DAN MASLAHAT

Para ulama Islam di antaranya al-Ghazali telah mentakrifkan maslahat itu kepada: Menarik manafaat dan menolak mudarat atau mufsidah (keburukan). Di sana ada aspek ijabi (positif) iaitu menarik manafaat atau membawa manafaat. Dan aspek negatif iaitu menolak keburukan. Kadang-kadang maslahat itu dimutlakkan kepada aspek positif sahaja dengan disertakan kaedah oleh para fuqaha':

دفع المفسدة مقدم على جلب المصالح

"Menolak keburukan hendaklah didahulukan daripada menarik maslahat."

Para ulama membahagikan perkara-perkara yang dikatakan maslahat itu kepada tiga bahagian: maslahat yang dikira mengikut perhitungan hukum syarak (معتبرة) . Maslahat yang dibatalkan (ملغاة) dan yang tidak ada penentuan daripada syarak (مصلحة مرسلة)

i. Maslahat Muktabirah (مصلحة معتبرة)

Iaitu maslahat yang ditentukan oleh hukum Islam dengan menentukan hukumannya secara putus

---

(1) Al-Sarq al-Hakamiyyah fi Siasah al-Syar'iyyah: Ibn Qayyim bab Madqul al-Fiqh al-Islami: Jamiah al-Azhar halaman 45–46 Syariah al-Islam salhah li Tabiq fi zaman wa makan: al-Qardhawi, halaman 24–28.

ke arah memelihara perkara-perkara yang penting bagi manusia, iaitu: memelihara agama, nyawa, akal, maruah, keturunan, dan harta. Maka diwajibkan jihad dan hukuman yang berkait dengan murtad dalam memelihara agama, hukum qisas kerana memelihara nyawa, had kepada orang yang meminum arak kerana memelihara akal, had zina kerana memelihara keturunan dan khazaf kerana memelihara maruah dan had pencuri kerana memelihara harta. Biarkan orang yang menyatakan hukum hudud tidak penting terjun dengan labu-labunya biarkan!, biarkan!, biarkan!.

Dalam perkara-perkara tersebut dinyatakan hukum secara wahyu, sabda, ijmak dan qias, terutama dalam perkara yang tidak dicapai oleh akal, kepakaran dan kepintaran manusia, maka Allah yang Maha Penyayang menetapkan hukumannya.

ii. **Maslahat Mulaghah (مصلحة ملغاة)**

Iaitu yang dinamakan maslahat oleh setengah kalangan berdasarkan kepada kepentingan individu atau golongan mengikut perhitungan akal semata-mata di mana maslahatnya diragukan kerana di dalamnya terkandung perkara-perkara yang membawa mudarat, maka Islam membatalkannya dan maslahatnya dilaqakan. Seperti: meminum arak untuk menenangkan fikiran, mencuri kerana memberi nafkah kepada anak isteri, merompak kerana menentang orang kaya yang menindas, bermuamalat dengan riba dengan alasan untuk kemajuan ekonomi dan lain-lain.

Para ulama bersepakat menghukum tidak sah sesuatu hukum yang dibina di atas maslahat ini.

iii. **Al-Masaleh al-Mursalah** (المصالح المرسلة)

Iaitu perkara yang dikira maslahat tanpa dalil daripada syarak menetapkan atau membatalkannya. Ia dianggap maslahat apabila membawa manafaat dan menolak mudarat atau keburukan. Dan dinamakan mursalat kerana tidak ada penentuan daripada hukum syarak menerima atau menolak.

Para ulama bersepakat bahawa musolih mursalat tidak boleh didasarkan di atasnya dalam perkara ibadat yang telah diputus oleh Allah dan s.a.w. Adapun dalam perkara muamalat terdapat kekhilafan di kalangan mereka: di antara yang menolaknya ialah golongan Zahiriyyah dan yang menerimanya pula ialah: mazhab Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal, adapun mazhab Abu Hanifah dan mazhab al-Syafi'e terhadap di dalam kitab-kitab mereka hukum-hukum yang dibina di atas al-musolih al-mursalah walaupun tidak dijadikan oleh mereka salah satu sumber hukum.

Mereka yang menetapkan maslahah mursalat menjadi hukum menetapkan garis panduan dan dasarnya mestilah di atas perkara berikut:

i. Maslahat itu mestilah menepati maqasid syar'iyyah yakni tujuan-tujuan yang diizinkan oleh syarak.

ii. Maslahat itu mestilah boleh diterima akal yang sempurna.

iii. Maslahat itu mestilah kerana memelihara perkara yang perlu atau menolak kepayahan.

iv. Maslahat itu mestilah nyata dan tidak keliru.

v. Maslahat itu mestilah untuk kepentingan umum

bukannya untuk individu atau golongan yang tertentu. (1)

Adakah hukum hudud termasuk di dalam al-musolih al-mursalat?

Jelas sekali bahawa hukuman hudud tidak boleh dinafikan di atas perkara al-musolih al-mursalat kerana ia telah ditetapkan oleh syarak. Adapun bagaimana untuk menguatkuasakannya, atau untuk mendapat keterangan-keterangan yang tepat yakni dalam perkara furu'nya yang tiada nas bolehlah dibincangkan ditetapkan oleh syarak.

Ketiga: HUDUD DAN MAQASID SYAR'IYYAH (مقاصد شرعيه)

Di antara perkara penting untuk memahami hukum Islam secara tepat ialah mengetahui Maqasid Syar'iyyah dengan cara yang tepat dan betul, kerana hukum syarak itu bukan sahaja difahami daripada makna lafaznya yang sarih, tetapi juga mestilah mengetahui rahsia disebalik sesuatu hukum dan apakah tujuan di sebaliknya.

Maqasid Syar'iyyah atau tujuan-tujuan yang asal daripada hukum syarak itu ialah untuk mempastikan segala maslahat kepada hamba Allah benar-benar dilaksanakan untuk memelihara kebaikan dan menolak mudarat dan keburukan bagi kepentingan mereka, tetapi perlu difahami bahawa ukurannya tidak boleh diserah sepenuh-penuhnya mengikut kema-

---

(1) Al-Mustasqa: Al-Ghazali, Juzuk 1 halaman 139. Syarh al-Asnawi Juzuk 3 halaman 67. Al-Ibhah lis Subqi: Juzuk 3 halaman 43, 111, Raudhah al-Nadhir: Juzuk 1 halaman 412. Al-Muwafaqat: Al-Syathibi Juzuk 1 halaman 37-38. Al-Wasit: al-Zuhaili: 498-519. Usul Fiqah al-Khudhri: 303. Abu Zahrah 356.

huan manusia kerana boleh tercebur ke dalam kemahuan mengikut nafsu mereka yang sudah pasti sedikit sebanyaknya akan mempengaruhi fikiran dan sikap mereka dalam membuat penentuan itu. Oleh itu maka tujuannya mestilah disandarkan kepada hukum syarak dengan nama Maqasid Syar'iyyah (tujuan-tujuan yang didasarkan di atas hukum syarak). Yang disimpulkan kepada pencapaian kepada maslahah untuk mengadakannya dan memeliharanya setelah diadakan.

Maslahah-maslahah itu mengikut Maqasid Syar'iyyah dibahagikan kepada tiga:

1. **Dhururiyat** (ضروريات)
2. **Hajiat** (حاجيات)
3. **Tahsiniyat** (تحسينيات)

1. **Dhururiyat** (ضروريات)

Ialah maslahat yang berkaitan dengan kehidupan manusia dan tegaknya masyarakat. Apabila ayatnya tidak ada maka sistem hidup menjadi musnah dan masyarakat tergugat oleh terjejasnya keamanan dan keselamatan, sehingga membawa kemusnahan di dunia dan siksa di hari akhirat. Perkara-perkara yang sangat perlu itu ialah: agama, nyawa, akal, keturunan, maruah, dan harta benda. Maslahah untuk memelihara kelima-lima perkara ini menjadi Maqasid Syar'iyyah yang sangat penting. Maslahah memelihara agama itu dipelihara di atas rukun iman dan Islam dan perkara-perkara yang berhubung dengannya. Kepentingan agama dengan dakwah, pelajaran, pendidikan dan jihad mempertahankannya mengenai hukuman hudud dalam perkara murtad.

Maslahah memelihara nyawa dengan menentukan halal dan haram dalam makanan dan minuman dan mengenakan hukuman qisas ke atas kesalahan yang berkait dengannya.

Maslahah memelihara akal dengan meletakkannya di tempat mulia dengan di isi ilmu dan sikap yang baik, mengharamkan perkara yang menjejaskannya seperti arak, dadah, hiburan yang melalikan dan hukuman hudud kepada peminum arak.

Maslahah memelihara keturunan dan maruah dengan peraturan yang berkait dengan munakahat, menutup aurat, mengharamkan zina, khazaf dan hukuman hudud yang berhubung dengan kesalahannya.

Maslahah memelihara harta dengan hukum muamalat yang berkait dengan berniaga, meneroka tanah dan lain-lain, dan undang-undang hudud yang memelihara harta iaitu hukum hudud ke atas pencuri dan perompak.

2. **Hajiat** (حاجيات)

Iaitu perkara yang dihajati oleh manusia untuk menghilangkan kepayahan dan kesulitan, dengan ketiadaannya tidak terjejas cara hidup tetapi menyebabkan kesulitan.

Dalam perkara memelihara agama dibenarkan ruksyah kemudahan kepada orang-orang yang benar-benar dipaksa, dalam perkara akidah, dibenarkan bertayammum apabila tiada air, qasar dan jamak sembahyang kepada orang-orang musafir dan lain-lain.

Dalam hukum jenayah seperti tidak mengenakan hudud kerana adanya syubhat (kekeliruan), mengenakan diat kepada yang membunuh tidak sengaja dan lain-lain.

Dalam hukum mua'malat dibenarkan berhutang, rahn (gadaian), sewa (ijarat) dan lain-lain.

Dalam perkara rumah tangga dibenarkan talaq (percerian) apabila tiada penyelesaian yang lain.

3. Al-Tahsiniyat (التحسينيات)

Iaitu perkara yang membawa kepada ketinggian nilai dan martabat, ketinggian akhlak dan maruah di mana tanpanya tidak menjejaskan kehidupan dan tidak membawa kepayahan contohnya: mengerjakan perkara-perkara sunnah di dalam ibadat, adab-adab makan minum, adab-adab berjual beli, memilih cara yang paling tidak menyakitkan ketika menjatuhkan hukuman hudud. (1)

Dalam perkara hudud berhubung dengan Maqasid Syar'iyyah menunjukkan bahawa menguatkuasakan hukum hudud yang diwajibkan oleh Allah menjadi dharuriyat untuk memelihara agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta benda. Tidak menjatuhkan hukuman kerana adanya kekeliruan termasuk di dalam hajiah dan memilih cara yang paling tidak menyiksakan termasuk di dalam para hajiah. Maka tidak termasuk di dalam Maqasid Syar'iyyah menukarkan undang-undang hudud dengan kanun kesiksaan Inggeris atau sepertinya.

Apakah Maslahat disebalik pelaksanaan undang-undang yang diamalkan kini:
Jawapan kepada soalan saya kepada Menteri Dalam Negeri di Dewan Rakyat pada 12 haribulan Mei tahun

---

(1) Al-Mustasqa: Al-Ghazali, Juzuk 1 halaman 286 Al-Munafiqat: Al-Syatibi Juzuk 3 halaman 6 Iklan Al-Mawaqiin: Ibn Al-Qayyim, Juzuk 3 Fasal Taqir Al-Fatwa, Madqil Lidarasati Al-Syari'yyah: Al-Qardhawi: 72.

1992 supaya menyenaraikan kadar jenayah sejak tahun 81-91:

Tahun	Membunuh	Merogol	Mencuri	Merompak	Mengedar dadah
1981	258	360	63356	4937	134
1982	225	442	60570	4510	260
1983	303	460	65551	5336	363
1984	293	470	68959	5991	462
1985	327	530	77744	8771	527
1986	386	688	82314	9070	456
1987	362	668	83929	8608	525
1988	346	611	68064	6798	561
1989	322	576	56596	5473	680
1990	313	638	59137	5817	779
1991	415	706	56421	5804	744

Dari jumlah tersebut menunjukkan betapa peningkatan jenayah berlaku, dan perlunya difahami betapa ketidakberkesanan undang-undang yang diamalkan, walaupun lebih keras daripada hudud seperti undang-undang hukuman mati kepada pengedar dadah di mana menurut hukum Islam sekadar takzir sahaja. Sepatutnya perkembangan tersebut membimbangkan pihak yang berkenaan, terutamanya apabila dilihat perkembangan di peringkat yang lebih mutakhir berlakunya jenayah pembuangan bayi di samping peningkatan jenayah yang telah sedia berlaku.

Kepada mereka yang memberi alasan bahawa hudud boleh menjejaskan keamanan perlu sedar dan insaf dengan perkembangan tersebut membuktikan betapa melesetnya undang-undang ciptaan manusia yang dipertahankan oleh mereka dengan penuh kedegilan dan keangkuhan itu dan sudah tiba masanya untuk kembali kepada hukum Allah.

Keempat: HUDUD DENGAN SEBAB-SEBAB PERUBAHAN MASA TEMPAT DAN WAKTU

Hukum Islam dari aspek ini terbahagi kepada dua jenis:

1. Hukum-hukum yang tetap tidak berubah walaupun berubahnya masa, tempat dan keadaan dan dalam perkara di luar bidang kemampuan manusia, maka Allah SWT yang Maha Penyayang, Maha Mengetahui, Maha Bijaksana, Maha Adil dan Maha Sempurna dalam segala-galanya menetapkannya secara putus. Maka para ulama mujtahidin, walaupun yang menjadi pemimpin negara tidak dibolehkan berijtihad dan memindanya, seperti dalam perkara yang telah diwajibkan oleh Allah di kalangan ibadat, perkara yang diputuskan halal haramnya, dan termasuk juga perkara hudud yang dijatuhkan kepada kesalahan-kesalahan jenayah yang tertentu.

2. Perkara yang berubah hukumnya mengikut perubahan masa, tempat dan keadaan menurut maslahat yang diizinkan oleh syarak, contohnya dalam hukum takzir yang tidak dinyatakan dengan nas.

Menunjukkan bahawa hukum Islam itu bukan semuanya boleh berubah mengikut masa tempat dan keadaan, bahkan ada yang telah ditetapkan secara putus di antaranya ialah hukum hudud. (1)

---

(1) Iklam: al-muwaqiin: Ibn Qayyim: Juzuk 1 halaman 346-349, Juzuk 3 halaman 14-15.
Madqul li darasili al-Syariah al-Islamiyah: al-Qardhawi halaman 200-229.

4. **Berkata pula Perdana Menteri:** walaupun ada ajaran yang tetap menyeleweng dan tidak Islam tetapi mazhab-mazhab yang diiktiraf walaupun berbeza tidak boleh didakwa tidak Islam dengan sewenang-wenang.

Bagi menjelaskannya perlu dibincangkan perkara ijtihad yang melahirkan mazhab-mazhab dalam Islam untuk membezakan di antara mazhab yang diiktiraf dan mazhab yang menyeleweng.

Hudud dan Ijtihad

Ijtihad ialah mengembeling seluruh tenaga dengan bersungguh-sungguh oleh orang yang mempunyai kemampuan memahami hukum Islam daripada sumber-sumbernya untuk mendapatkan hukum syarak secara istinbad yakni mengambil faedah daripada dalilnya dalam perkara-perkara yang tertentu.

Syarat Ijtihad

i. Memahami bahasa Arab melalui ilmu bahasanya seperti nahu, saraf, balaghah, yang terkandung di dalamnya bayan, ma'ani dan badi', dan ilmu sastera Arab kerana nas-nas hukum syarak daripada bahasa al-Quranul Karim iaitu bahasa Arab dan bahasa Nabi Muhammad s.a.w. kerana al-Quran dan al-hadis mempunyai nilaian bahasa dan sastera yang tinggi dan di sana adanya perkataan-perkataan Arab yang menjadi istilah hukum Islam yang tidak boleh diterjemah dengan bahasa lain untuk mencapai hakikatnya yang sebenar. Untuk mendalami hukum Islam

maka mestilah mempunyai ilmu alat bahasa Arab yang cukup untuk memahaminya.

ii. Mempunyai ilmu al-Quranul Karim, kerana ia menjadi sumber pertama dan utama, menjadi tunggak dalil kepada semua dalil, maka mestilah seseorang yang berijtihad itu mengetahui dan memahami ayat-ayatnya, khususnya yang berhubung dengan hukum-hukum, bukan sahaja mengikut bahasanya yang tepat, tetapi juga mengetahui perkara-perkara nasah dan mansuh, asbabul nuzul dan lain-lain.

iii. Mempunyai ilmu berkenaan sunnah Rasulullah s.a.w. untuk mengetahui yang sahih, dhaif dan sebagainya, ilmu asanid yang berhubung dengan latar belakang orang-orang yang meriwayatkan hadis dari segi adil, warak, ingatan, dan kefahamannya, mengetahui yang mutawatir, masyhur dan ahad, mengetahui juga sebab-sebab berlakunya hadis, nasah dan mansuh.

iv. Mempunyai usul fiqh yang mendalam supaya boleh merujuk dengan tepat dan mengambil dalil dengan betul.

v. Mengetahui perkara yang sudah menjadi ijmak para ulama supaya tidak menyanggah perkara yang telah diputuskan secara ijmak terutamanya ijmak para sahabat r.a.

vi. Mengetahui Maqasid Syar'iyyah yakni tujuan-tujuan hukum syarak supaya boleh berijtihad dalam perkara yang tidak ada nas melalui qias dan maslahat yang tepat dengan prinsip Islam.

Kesemua ulama-ulama yang melahirkan berbagai-bagai mazhab yang muktabar itu mempunyai keahlian ijtihad yang paling istimewa walaupun mereka berkhilaf dalam beberapa perkara cabang (furuq).

APAKAH PERKARA YANG DIIZINKAN BERIJTIHAD?

Ijtihad tidak boleh dilakukan dalam perkara yang telah diputuskan oleh nas-nas yang terang seperti hukum-hukum ibadat, halal dan haram yang telah ditentukan, dan termasuk juga hukum hudud yang telah ditentukan dengan nas-nas yang nyata lagi terang. Ijtihad dibolehkan dalam perkara nas yang tidak nyata, seperti yang umum dan lain-lain, di mana kebebasannya dalam perkara cabang hukum syarak (furu'). Seperti juga cabang dalam perkara hudud, contohnya dalam perkara orang bukan Islam, undang-undang keterangan dan sebagainya. Ijtihad tidak sekali-kali diharuskan untuk membatalkan hukum syarak yang telah diputuskan, atau memindanya. Tegasnya hukum-hukum yang telah ditentukan tidak boleh dibatal dengan ijtihad adapun dalam hal-hal yang lain boleh dibincang oleh orang-orang mempunyai kelayakan, atau boleh dirujuk kepada perkara-perkara yang telah diijtihad oleh ulama muktabar dengan meneliti dalilnya, bukannya dengan niat jahat untuk melarikan diri daripada hukum Allah dengan dalih-dalih yang bercanggah dengan kaedah-kaedah hukum syarak yang telah ditetapkan oleh para ulama yang bertaqwa ikhlas dan mempunyi kewibawaan ilmu dan akhlak yang tinggi di mana nama-nama mereka tetap dipelihara dengan hasil tulisan di dalam kitab-kitab muktabar yang banyak dan meninggal murid

yang setia kepada Islam di sepanjang zaman, dan mereka khianat kepada hukum Allah pasti tidak dapat menyembunyikan diri mereka, di mana mereka pasti akan menerima akibat balasan Allah di dunia dan akhirat.(1)

Di dalam Kanun Jenayah Syar'iyyah (II) ada perkara-perkara nas yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab dan tidak boleh bermazhab di mana semua mazhab menerimanya menjadi perkara prinsip dalam hukum hudud dan di sana ada perkara khilafiah di kalangan mazhab, maka apakah mazhab yang ditarjihkan oleh Perdana Menteri, penasihat-penasihat dan pengikut-pengikutnya?.

Tuduhan bahawa PAS menafsir sendiri dalam perkara agama adalah sangat zalim dan jahat dan tidak takutkan Allah, marilah kita kembali kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya s.a.w. yang menyelesaikan perkara ini dengan ikhlas sekiranya benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Jangan menyembunyikan niat jahat terhadap hukum Allah dan Rasul-Nya.

Firman Allah Taala yang bermaksud:

فَإِن تَنَـٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ
إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ذَٰلِكَ خَيْـرٌ
وَأَحْسَـنُ تَأْوِيلًا

(النساء: ٥٩)

(1) Al-Mursalat: Al-Syafi'ie, juzuk 15. Al-Mustosfi: al-Ghazali juzuk 2 halaman 102, Al-Mawafiqot: al-Syatibi juzuk 4 halaman 105-106.

"Jika sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah dan rasul (al-Quran dan al-sunnah) sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah penyelesaian yang sebaik-baiknya."

(Surah An-Nisa': Ayat 59)

Maka terdedahlah siapa yang sesat dan menyeleweng, sama ada bermazhab atau tidak bermazhab, mujtahid pun tidak dan bertaqlid pun tidak.

Kata **Perdana Menteri:** berdalil dengan ayat al-Quranul Karim: yang ditegah oleh agama ialah perpecahan di kalangan umat. Dalam surah al-An'am ayat 159, Allah berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمْ وَكَانُواْ شِيَعًا لَّسْتَ
مِنْهُمْ فِى شَىْءٍ إِنَّمَآ أَمْرُهُمْ إِلَى ٱللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم
بِمَا كَانُواْ يَفْعَلُونَ

(الأنعام: ١٥٩)

"Sesungguhnya orang-orang yang memecahbelahlah agamanya dan mereka menjadi beberapa golongan, engkau tidak ada sedikit pun tanggungjawab terhadap mereka. Allah akan memberitahu kepada mereka apa yang telah mereka perbuat."

(Surah Al-An'am: Ayat 159)

Para ulama tafsir menafsirkan ayat ini berkenaan mereka yang mengadakan perkara yang tiada kena

mengena dengan agama seperti orang-orang Yahudi yang terpesong daripada Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. terutama dalam perkara kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w., dan para ulama juga menyatakan termasuk juga di kalangan umat Muhammad s.a.w. orang-orang yang menimbulkan perkara-perkara bid'ah yang terkeluar daripada ajaran Islam. Beginilah yang ditafsirkan oleh ulama silam seperti Mujahid, Qatadah, Ad Dhuha', As Suddhi, Suffian al-Sauri, al-Thabari, Ibnu Khatsir dan lain-lain. (1)

Adapun Hamka Rahimahullah telah menafsirkannya di dalam tafsir al-Azhar dalam bahasa Melayu, Indonesia bukannya bahasa Arab, yang boleh dirujuk oleh sesiapa yang tidak buta huruf di Malaysia, bahawa yang dimaksudkan di dalam ayat ini juga ialah orang-orang Islam yang telah menganut teori-teori dan ideologi-ideologi yang bukan sedikit pun daripada Islam seperti nasionalisme, kapitalisme, sosialisme, pragmatisme dan lain-lain. Beliau menulis seperti berikut:

Segala yang kita huraikan paparkan di atas itu, adalah hasil penyelidikan atas buah fikiran ahli-ahli tafsir yang telah terdahulu. Tetapi di zaman moden ini timbul lagi keadaan-keadaan yang baru membawa pecah belahan kekuatan Islam secara baru pula. Orang bukan lagi berpecah belah kepada mazhab di dalam agama atau firqah-firqah yang terkenal yang menimbulkan nama Muktazilah, Khawarij, Syiah, Murjiah dan sebagainya yang telah tersebut namanya dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam. Kerana meski pun timbul mazhab dan firqah dalam Islam, perselisihan hanya terjadi dalam suasana sesama sendiri, dalam melakukan taat kepada Allah. Misalnya di antara ketaatan memegang yang ter-

(1) Al-Qurtubi Juzuk 7 halaman 149.

tulis, iaitu mazhab salaf dan kebebasan memakai fikiran, iaitu Muktazilah:

Banyak terdapat aliran falsafah iaitu mengenai urusan kenegaraan atau ekonomi atau kemasyarakatan, terdapat berbagai faham dan ajaran dengan berbagai nama seumpama Sosialisme, Komunisme, Liberalisme, Pragmatisme, Demokrasi dan sebagainya. Orang-orang yang masih mengakui beragama Islam tetapi tidak menkaji sedalam-dalamnya ajaran Islam sendiri lalu meminjam atau mempertahankan ideologi-ideologi yang lain itu dan meninggalkan syariah Islam sendiri. Mereka mengambil Sosialisme sebagai dasar dari negara mereka, kerana dunia sekarang katanya sedang diliputi oleh faham Sosialisme. Bahkan ada di antara peniru itu yang berkata bahawa ajaran Islam tidak sesuai lagi dengan zaman. Ajaran Islam hanya sesuai dengan masyarakat Arab tidak cucuk dengan masyarakat kita. Pada hal Sosialisme yang mereka ambil alih dari ajaran orang lain itu terpaksa juga kadang-kadang mereka sesuaikan dengan iklim negeri mereka sendiri.

Maka dengan sendirinya mereka berpecah dari agama Islam, dan pindah demikian sahaja kepada ajaran lain. Pada hal ajaran lain itu hanya buatan manusia yang biasa diubah kerana perubahan ruang dan perubahan waktu.

Ada pula yang mengakui bahawa beberapa ajaran dari ideologi lain itu sesuai dengan Islam, mereka tinggal itu sendiri dan mereka pilih ajaran lain itu. Pada hal kalau mereka berfikir sihat, kalau memang ajaran lain itu sebahagian yang sesuai dengan Islam, mengapa tidak Islam sahaja mereka pertahankan dan perlengkapi mana yang kurang dari segi perlaksanaan?. Dan itulah sebabnya maka kerapkali terdapat orang Islam yang taat mengerjakan sembahayang lima waktu, pada hal mereka mempertahankan Nasionalisme yang sempit. Itupun sebabnya

ada ulama yang berpidato di muka umum dengan mengemukakan beberapa ayat dan hadis Nabi untuk membela Sosialisme atau Komunisme.

Islam adalah satu ajaran yang datang dari langit, mengandungi syariat dan ibadat, mua'malat (kemasyarakatan) dan kenegaraan, semuanya datang dari satu sumber, iaitu tauhid, kepercayaan kepada Allah dia tidak boleh dipriority, misalnya dijalankan sembahyangnya saja, tetapi kenegaraan diambil dari ajaran lain. Dituruti aturan nikah kahwinnya saja, pada hal ajaran ekonominya dikesampingkan. Apabila ada keyakinan bahawa ajaran lain untuk mengatur masyarakat yang lebih baik dari Islam, kafirlah orangnya, walaupun dia masih sembahyang.

Bahaya yang menimpa Islam sekarang, ialah bahawa penganutnya sendiri meninggalkan ajarannya, lalu memakai ajaran lain, mencela dan mengatakan Islam tidak sesuai dengan zaman moden, namun orang-orang itu masih juga mengakui dirinya orang Islam. Mereka berpecah belah dari agamanya dan membentuk kelompok sendiri di dalam mengekor kepada fahaman lain.(1)

Demikian penjelasan Pak Hamka Rahimahullah yang pernah menjadi Ketua Majlis Ulama di Indonesia dan penulis terkenal di Nusantara ini.

Sila rujuk kitab-kitab tafsir berkenaan ayat tersebut, maka perhatikanlah secara jujur dan insaf kepada siapakah ayat ini patut ditujukan?. Kalau rumah berdinding kaca jangan cuba membaling batu.

---

(1) Tafsir al-Azhar: HAMKA, Juzuk 8, halaman 181-182.

Penutup Kalam

Demikian sedikit ulasan berkenaan hukum hudud yang dikelirukan itu. Mudah-mudahan menjadi sumbangan untuk mencegah kemungkaran kerana menolak atau mempertikai hukum Allah. Mudah-mudahan menjadi penangguh bala bencana yang menimpa sekiranya kemungkaran didiamkan. Kepada mereka yang ingin menda-pat penjelasan lebih luas dan lebih menyakinkan kepada hukum Allah perlulah rujukkan kepada kitab-kitab muktabar berkenaannya dan sejarah perlaksanaannya di zaman kegemilangan Islam dalam menjadi contoh keadilan, keamanan dan keperibadian manusia segajat.

Kepada orang-orang yang mengambil jalan untuk menentang hukum Allah di antaranya hudud, saya memberi amaran dengan sabda Rasulullah s.a.w:

من حالت شفاعته دون حد من حدود الله فهو مضاد الله فى أمره.

(رواه أحمد، وأبو داؤد، والحاكم وصححه).

"Sesiapa yang menghalang oleh syafaatnya tanpa melaksanakan satu hukuman had daripada hudud Allah maka dia telah menentang Allah dalam urusannya."

Mudah-mudahan Allah mengurniakan keinsafan dan petunjuk kepada orang-orang yang menentang dan mengurniakan keimanan, keyakinan dan kesanggupan kepada orang-orang yang berdakwah dan berjihad untuk menegakkan Islam.

وأخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين.

SEP 1995

Jabatan Penerangan PAS Pusat
28A, Jalan Pahang Barat,
Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.

RM 2.00

ISBN 983-9103-04-0

9 789839 103045